Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera Dan Salam Perpaduan,

Tuan/ Puan,

Dengan hormatnya dikemukakan laporan media pada tarikh **9 Oktober 2019 (Selasa)** untuk makluman warga PERPADUAN.

BERITA / ARTIKEL :

BIL	TARIKH	TAJUK BERITA	AKHBAR	M/S	KATEGORI
1	9 Okt 2019 (Selasa)	Rukun Negara pedoman pupuk perpaduan kaum	Berita Harian	77	Makluman

2. SINOPSIS :

1. 9 Oktober 2019 (Selasa), Berita Harian ms 77:

Rukun Negara bukan sekadar dibaca ketika menyambut Hari Kebangsaan, sebaliknya semangat dan rohnya hendaklah didukung amanah dan cita-cita. Tidak guna jika kita hanya menghafaz Rukun Negara tanpa mengetahui maksud disebaliknya, malah tidak mengamalkannya dalam kehidupan harian. Selain itu untuk meningkatkan perpaduan dalam kalangan rakyat, mengekalkan cara hidup demokrasi, mewujudkan masyarakat yang adil, pendekatan yang liberal terhadap adat dan kebudayaan dan membangunkan satu masyarakat yang progresif berlandaskan sains moden dan teknologi.

Rukun Negara pedoman pupuk perpaduan kaum

Saya merujuk titah Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, sempena Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA (UiTM) Ke-91, baru-baru ini. Baginda mengingatkan graduan agar menjiwai Rukun Negara dan menerapkannya dalam setiap aspek kehidupan harian.

Dalam titah baginda, Rukun Negara bukan sekadar dibaca ketika menyambut Hari Kebangsaan, sebaliknya semangat dan rohnya hendaklah didukung amanah dan cita-cita. Baginda menyaran UiTM dan institusi pengajian tinggi lain turut mendidik graduan dengan nilai yang dituntut Rukun Negara.

Yayasan Perpaduan Malaysia sentiasa memegang prinsip dan inspirasi bahawa Rukun Negara harus dijadikan ideologi kebangsaan, seterusnya menjadi pegangan dan kompas pedoman semua pihak. Aktiviti sekolah dijalankan Yayasan Perpaduan Malaysia tertumpu kelima-lima cita-cita dan prinsip Rukun Negara.

Antaranya termasuk Bengkel Intensif Rukun Negara, Program Mingguan Kelab Rukun Negara, Program sekolah bertema 'In Kindness, We Unite', Bengkel Kewarganegaraan, Hak Dan Tanggungjawab serta banyak lagi.

Pada setiap program dan aktiviti, kami menekankan penghayatan dan pengamalan cita-cita serta prinsip Rukun Negara.

Tidak guna jika kita hanya menghafaz Rukun Negara tanpa mengetahui maksud di sebaliknya, malah tidak mengamalkannya dalam kehidupan harian.

Sejak Julai 2016, Yayasan Perpaduan Malaysia bersama ahli akademik, peguam dan aktivis mencadangkan menjadikan Rukun Negara sebagai Mukadimah Perlembagaan dan inisiatif ini dilancarkan pada 23 Januari 2017.

Berdasarkan maklum balas masyarakat, kami dapat membuat kesimpulan rakyat Malaysia mahu Rukun Negara diperkasa kedudukannya daripada dijadikan mukadimah dalam Perlembagaan.

Mereka mahu kedua-duanya dikekal sebagai dua naskhah yang memiliki identiti masing-masing. Majlis Raja-Raja Melayu menerusi kenyataan pada 10 Oktober 2017 menekankan perlunya Rukun Negara sebagai pedoman dalam memupuk perpaduan kaum.

Rukun Negara diisytiharkan Yang di-Pertuan Agong keempat pada 31 Ogos 1970 sebagai falsafah kebangsaan, maka ia sepatutnya dianggap sebagai pegangan bersama rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama.

Selain itu, untuk meningkatkan perpaduan dalam kalangan rakyat, mengekalkan cara hidup demokrasi, mewujudkan masyarakat yang adil, pendekatan yang liberal terhadap adat dan kebudayaan dan membangunkan satu masyarakat progresif berlandaskan sains moden dan teknologi.

Prinsip Rukun Negara yang menjadi tonggak prinsip kenegaraan dan menyatukan rakyat terdiri pelbagai agama, seharusnya disemaikan dalam semangat generasi muda yang bakal menjadi pemimpin masa hadapan.

Ia hendaklah didukung dan dipraktikkan kerana kita tidak boleh memandang ringan kestabilan, keamanan dan keharmonian yang dicapai setakat ini.

Tan Sri Lee Lam Thye,
Ahli Lembaga Pemegang Amanah
Yayasan Perpaduan Malaysia.

Pembaca yang ingin berkongsi pandangan dan membuat aduan boleh e-mel ke **bhforum@bh.com.my**

BH 9/10/19 ms. 77

"Membudayakan Perpaduan, Meraikan Kepelbagaian"

MOHD FAISAL BIN SALEH
Bahagian Korporat
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
Jabatan Perdana Menteri